

Kitar semula mampu pelihara alam sekitar

5/4 14/7/09 M/S 13


RAWANG – Salah sebuah syarikat kitar semula tempatan terbesar yang beroperasi di Taman Perindustrian Masalam, Batu 17, di sini, adalah antara lima syarikat seumpamanya di negara ini yang komited dalam kempen kesedaran mengenai pemanasan global.

Presiden Global Metal Source (GMS), Datuk Dr C Baskaran berkata, beliau berharap dengan kerjasama berkenaan, kempen kesedaran masyarakat terhadap langkah mengatasi permasalahan sedunia itu dapat diatasi.

“Bagi saya yang menceburi bidang perniagaan berkaitan kitar semula, bisnis ini secara tidak langsung sebenarnya dapat menjaga alam sekitar daripada terjejas.

“Malah kita juga membuka lebih banyak peluang kepada pihak sekolah, badan kerajaan (NGO) atau persatuan tertentu untuk datang ke kilang ini, bekerjasama serta melihat cara kita menjalankan teknik kitar semula di sini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dikunjungi dua



● Baskaran (tengah) ketika bertemu dengan Srinivasa Rao dan Ghanasekaran (dua berbaju cerah) di pejabatnya di Taman Perindustrian Masalam, Batu 17.

sukarelawan ‘Misi menyelamat dunia’ dari India iaitu, T Srinivasa Rao dan R Gnanasekaran, yang mengetengahkan kempen kesedaran mengenai pemanasan global sedunia masa kini.

Hadir sama Timbalan Ketua MIC Bahagian Selangor yang juga Pengerusi Pusat Perkhidmatan Matahari dan Bulan, MB Raja.

Sementara itu, Srinivasa Rao ketika ditemui mem-

beritahu, dia bersama rakannya yang berlatarbelakangkan pendidikan kejuruteraan melaksanakan ekspedisi berkenaan secara sukarela.

“Selama menjelajah ke lebih 120 negara termasuk di sini bagi melaksanakan misi ini, kami hanya bergantung kepada hasil jualan buku amal dan tajaan daripada mereka yang prihatin terhadap isu ini.

“Untuk itu, dengan cara

kerjasama seperti ini dan pergi ke sekolah-sekolah, kami berharap pendedahan masalah sedunia ini serta kepentingan penjagaan alam ini lebih disadari penduduk dunia,”katanya.

Menurutnya, antara kesan pemanasan global yang perlu diketahuilah perubahan cuaca sehingga menyumbang kepada kejadian ribut kencang, banjir besar, bencana alam dan lain-lain.